

SIMBOL DAN MAKNA DALAM MANTERA PERUBATAN MASYARAKAT BAJAU SAMA DI SABAH

Mohd Shahdan bin SADIN¹
Noor Hasnoor binti MOHAMAD NOR*²

Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Prauniversiti, Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia cawangan Pagoh, Johor, Malaysia ¹
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Malaysia^{1,2}

¹mohdshahdansadin@iium.edu.my
²hasnor@um.edu.my

Pengarang Koresponden*

Dihantar pada: 14 Ogos 2025
Submit on: 14th August 2025

Diterima pada: 24 September 2025
Accepted on: 24th September 2025

ABSTRAK

Mantera adalah satu bentuk ungkapan yang dianggap suci dan berkaitan dengan spiritual. Pada masa ini, walaupun masih ada lagi masyarakat yang menggunakan mantera untuk pelbagai tujuan terutama dalam perubatan tradisional, namun agak sukar untuk memperoleh ungkapan mantera tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis mantera yang masih diamalkan oleh masyarakat Bajau Sama di Kampung Unggun, Kota Kinabalu, Sabah dan menganalisis makna simbol dalam mantera perubatan masyarakat tersebut. Mantera telah diperoleh melalui kaedah lapangan hulu yang melibatkan temu bual informan, rakaman suara, dan catatan di lapangan. Data dianalisis menggunakan teori semiotik Charles Sanders Peirce (1965) dengan memberi tumpuan kepada unsur simbol. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mantera perubatan merupakan jenis yang paling dominan dan digunakan untuk merawat pelbagai penyakit seperti demam panas, sakit perut, angin pasang, sawan, dan keteguran. Mantera-mantera tersebut sarat dengan simbol yang mencerminkan kepercayaan masyarakat terhadap alam, makhluk ghaib, dan nilai-nilai Islam. Simbol seperti embun, angin, gunung Qaf, Nabi Sulaiman, dan naga berfungsi sebagai perantara makna yang merangkumi aspek fizikal dan spiritual dalam amalan rawatan tradisional. Kajian ini menyumbang kepada pendokumentasian warisan lisan serta memperkukuh pemahaman terhadap sistem simbolik masyarakat Bajau Sama sebagai refleksi pandangan dunia mereka.

Kata kunci: Bajau Sama; mantera; perubatan tradisional; semiotik; simbol

ABSTRACT

Incantations (mantera) are a form of expression that is considered sacred and related to spirituality. Nowadays, although incantations are being used by some people in society for various purposes, especially in traditional medicine, it is quite difficult to obtain the expression of these incantations. Hence, this study aims to identify the types of incantations still practiced by the Bajau Sama community in Kampung Unggun, Kota Kinabalu, Sabah, and to analyze the symbolic meanings embedded in their healing incantations. A total of 18 incantation verses were collected through upstream fieldwork involving interviews with four informants, voice recordings, and field notes. Data was analyzed using Charles Sanders Peirce's semiotic theory (1965), focusing specifically on the symbolic component. Findings reveal that healing incantations are the most prevalent type, commonly employed to treat ailments such as fever, abdominal pain, hernia, seizures, and spiritual disturbances. These incantations are rich in symbolic references that reflect the community's beliefs in nature, the supernatural, and Islamic values. Symbols such as dew, wind, Mount Qaf, Prophet Solomon, and dragons act as mediators of meaning, encompassing both physical and spiritual dimensions of traditional healing practices. This study contributes to the documentation of oral heritage and deepens the understanding of the Bajau Sama community's symbolic system as a reflection of their worldview.

Keywords: Bajau Sama; incantation; traditional medicine; semiotics; symbol

Pendahuluan


Dalam konteks Nusantara khususnya dunia Melayu, penggunaan mantera sangat berkait rapat dengan amalan yang bersifat spiritual dan budaya. Hal ini mencerminkan kepelbagaian tradisi dan amalan mistik yang masih dipraktikkan di rantau ini. Secara amnya, istilah 'mantera' merujuk kepada frasa suci atau kata-kata yang diucapkan untuk tujuan berbentuk spiritual misalnya memohon perlindungan, meminta keberkatan atau meminta penyembuhan. 'Mantera' juga dapat difahami secara khusus sebagai jampi, serapah, tawar, sembur, cuaca, puja, seru, tangkal dan lain-lain (Piah, 2007). Penggunaan mantera ini merupakan hasil daripada kepercayaan animisme tempatan dan perubatan tradisional sejak zaman dahulu.

Dalam amalan perubatan tradisional, mantera turut digunakan sebagai alat yang dipercayai berkuasa memberikan kesembuhan sesuai dengan hajat si pemohon. Pengamal mantera atau digelar sebagai dukun menjadi perantara untuk merawat penyakit, menghalau roh jahat atau memberikan perlindungan kepada pesakit. Lazimnya, bacaan sesuatu mantera mesti diiringi dengan jampi atau menggunakan objek-objek tertentu yang dipercayai dapat menambah kemujaraban mantera tersebut. Johns (1993) dalam makalahnya *Islamic Mysticism in Malay* dan Beng (2010) dalam *The Malay World* masing-masing ada menyatakan bahawa mantera dalam dunia Melayu berfungsi sebagai jambatan antara unsur spiritual dan material. Tambahan pula, mantera turut berfungsi sebagai penghubung antara manusia, ketuhanan dan dunia ghaib.

Masyarakat Bajau juga masih mengamalkan pelbagai upacara khususnya membaca mantera sebelum turun ke laut, mencari sumber hutan, menanam padi atau membuka kawasan baharu. Menyedari keperluan mantera sebagai pembantu dalam urusan harian, maka wujud pelbagai jenis mantera sesuai dengan fungsi dan tujuannya. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis-jenis mantera yang masih diamalkan oleh masyarakat Bajau Sama di Kampung Unggun Jaya, Kota Kinabalu, Sabah dan menganalisis makna simbol dalam mantera perubatan masyarakat tersebut. Kajian ini mempunyai signifikan yang penting khususnya dalam usaha pendokumentasian mantera yang kian dilupakan ini.

Kawasan kajian

Kawasan kajian yang dipilih ialah Kampung Unggun Jaya, Kota Kinabalu, Sabah. Kampung ini terletak hanya beberapa kilometer dari Pusat Kota Kinabalu Industrial Estate (KKIP) dan berdekatan dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS), dengan jarak sekitar 10 kilometer. Meskipun dikelilingi oleh perkampungan lain, kampung ini terkenal dengan majoriti penduduknya yang berbangsa Bajau Sama. Selain itu, Kampung Unggun Jaya merupakan antara perkampungan yang telah lama wujud di daerah Kota Kinabalu, khususnya di kawasan Sepanggar. Kampung ini dipilih kerana masih ada pengamal yang berasal dan tinggal di situ dan mantera masih digunakan dalam kalangan masyarakat tersebut. Bahkan sebahagian besar penduduknya masih menggunakan bahasa Bajau Sama selain bahasa Melayu dialek Sabah dalam komunikasi harian mereka. Berikut adalah peta lokasi kajian.



Peta 1: Kampung Unggun Jaya, Kota Kinabalu, Sabah.

Sumber: Google. (2023). Peta Kampung Unggun, Menggatal, Kota Kinabalu [Tangkapan skrin].
Google Maps. <https://www.google.com/maps>

Sorotan Kajian

Artikel yang bertajuk “Integrasi Kearifan Tempatan Perubatan Tradisional Kadazandusun dalam Pendidikan Bahasa” oleh Walter & Taisin (2025) membincangkan integrasi kearifan tempatan masyarakat Kadazandusun dalam bidang perubatan tradisional ke dalam pendidikan bahasa. Kajian ini menumpukan kepada tiga jenis herba utama yang masih diamalkan dalam komuniti tersebut, iaitu Tawawo, Lintotobou, dan Tompu. Dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dengan tiga pengamal perubatan tradisional di Kampung Toboh Laut, Keningau, dapatan kajian menunjukkan bahawa Tawawo digunakan untuk mandian wanita selepas bersalin, Lintotobou diminum bagi memulihkan tenaga dan menghentikan pendarahan, manakala Tompu digunakan bagi merawat penyakit kulit. Kajian ini menegaskan bahawa pengetahuan tentang herba bukan sekadar berkaitan rawatan fizikal, tetapi turut mengandungi unsur budaya, spiritual, dan ekologi yang mencerminkan hubungan erat antara manusia dan alam. Oleh itu, pengetahuan ini perlu didokumentasikan dan diintegrasikan dalam pendidikan bahasa Kadazandusun bagi mengukuhkan identiti budaya, penguasaan bahasa ibunda, serta pemeliharaan warisan masyarakat. Selain memperincikan amalan herba tradisional, artikel ini turut menyorot kepentingan kearifan tempatan dalam konteks pembelajaran, seperti memperkayakan kosa kata, pengajaran berasaskan budaya, serta meningkatkan kesedaran pelajar terhadap nilai-nilai tradisional dan linguistik etnik Kadazandusun. Kesimpulannya, kearifan tempatan bukan hanya warisan budaya, tetapi juga merupakan sumber pendidikan yang bernilai dalam membina generasi yang beridentiti budaya dan celik bahasa.

Dari segi persamaan, kajian ini dan kajian pengkaji menekankan kepentingan mendokumentasikan kearifan tempatan dalam perubatan tradisional masyarakat Sabah. Kajian Walter & Taisin (2025) ini menonjolkan penggunaan herba seperti Tawawo, Lintotobou dan Tompu yang mencerminkan hubungan manusia dengan alam, manakala kajian pengkaji menumpukan kepada mantera perubatan yang sarat dengan simbol alam dan nilai Islam.

Walaupun berbeza dari segi pendekatan, lokasi dan masyarakat yang dikaji, kedua-duanya memperlihatkan bahawa amalan perubatan tradisional bukan sekadar rawatan fizikal, tetapi juga warisan budaya dan spiritual yang perlu dilestarikan.

Artikel yang bertajuk "Tradisi dan Penggunaan Mantera dalam Etnik Kenyah" oleh Liau (2025) membincangkan tradisi dan penggunaan mantera dalam kalangan etnik Kenyah di Sarawak. Amalan mantera sebagai satu bentuk kearifan tempatan yang mencerminkan kepercayaan, nilai spiritual, dan struktur sosial masyarakat tersebut menjadi fokus kajian ini. Mantera juga digunakan dalam pelbagai konteks kehidupan seperti upacara penyembuhan, pertanian, perlindungan diri, dan ritual keagamaan. Selain itu, mantera bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi dengan kuasa ghaib, tetapi juga menjadi platform untuk menyampaikan nilai moral, norma sosial, dan falsafah hidup masyarakat Kenyah. Kajian ini menjelaskan bahawa bahasa yang digunakan dalam mantera sarat dengan simbol, metafora, dan gaya bahasa puitis yang menggambarkan kehalusan seni berbahasa etnik ini. Namun demikian, amalan mantera kini semakin berkurangan akibat pengaruh agama moden, pendidikan formal, dan arus pemodenan. Oleh itu, penulis menekankan kepentingan usaha pendokumentasian dan pemeliharaan tradisi mantera sebagai warisan budaya tidak ketara yang perlu dipelihara untuk generasi akan datang.

Artikel ini mempunyai sedikit persamaan dan perbezaan yang ketara berbanding kajian pengkaji. Persamaan yang utama adalah penggunaan mantera dalam pelbagai aktiviti harian yang bersifat tradisional sama seperti masyarakat Bajau Samah yang dikaji. Dari segi perbezaannya pula ialah lokasi kajian, iaitu di Sarawak dan di Sabah, manakala masyarakatnya ialah Kenyah dengan Bajau Samah yang mengamalkan mantera-mantera dalam situasi tertentu. Kajian oleh Liau (2025) ini tidak memfokuskan pada makna simbol seperti kajian pengkaji, sebaliknya lebih kepada memerihalkan adat-adat suku kaum Kenyah.

Kajian mantera dalam masyarakat Bajau juga dijalankan oleh Ghani (2018) dalam disertasinya bertajuk "Mantera dan Amalan Kecantikan Wanita Bajau: Kajian Kes Bajau Kota Belud". Kajian ini meneliti penggunaan mantera kecantikan oleh wanita Bajau di Kota Belud yang melibatkan aspek kecantikan fizikal, penampilan diri, serta interaksi sosial dalam komuniti mereka. Sebanyak 11 buah kampung dipilih sebagai lokasi kajian dengan melibatkan 19 orang informan. Pengkaji berjaya mengumpul 115 jenis mantera yang terdiri daripada mantera pemanis, pengasih, penguat badan (kebal), pendinding, dan penunduk. Selain itu, kajian ini turut mendokumentasikan amalan penjagaan kecantikan seperti pemakanan, penjagaan kesihatan, serta pantang larang yang perlu dipatuhi. Hasil kajian mendapati bahawa wanita Bajau di Kota Belud masih mengamalkan mantera kecantikan dalam kehidupan seharian. Mereka mempercayai bahawa amalan ini memudahkan urusan harian serta menjadikan mereka lebih disenangi oleh masyarakat setempat. Oleh itu, kajian ini penting dalam menyumbang kajian-kajian sedia ada, khususnya dari aspek pengumpulan data (mantera) yang autentik. Secara tidak langsung, kajian ini juga memperkenalkan keunikan budaya dan amalan tradisi masyarakat Bajau Kota Belud kepada khalayak luar.

Secara khusus, kajian ini menumpukan mantera dan amalan kecantikan wanita Bajau, manakala kajian pengkaji tidak hanya menumpukan aspek tersebut, malah meneliti mantera perubatan, pendinding, pemanis dan perbidanan. Kajian Ghani (2018) menumpukan masyarakat Bajau Sama yang mendiami daerah Kota Belud, manakala pengkaji menjalankan kajian di daerah Kota Kinabalu, Sabah.

Kajian bertajuk "Fungsi dan Simbol dalam Mantera Mengikut Konteks Budaya Melayu" oleh Hanapi et al. (2017) meneliti mantera Melayu yang diperoleh daripada kajian terdahulu. Dalam kajian ini, Hasan (2017) menerangkan fungsi mantera berdasarkan sumber yang dikaji

serta meneliti simbol-simbol tertentu dalam mantera masyarakat Melayu. Hasil kajian menunjukkan bahawa fungsi mantera terdiri daripada tiga aspek utama: nilai magisnya, fungsi serta peranan lirik, dan naratif penceritaan dalam mantera tersebut. Selain itu, simbol utama dalam mantera masyarakat Melayu melibatkan unsur seperti simbol binatang, simbol alam semesta, dan sebagainya. Contohnya, simbol buaya sering digunakan kerana haiwan ini dipercayai mempunyai unsur keramat serta dikaitkan dengan jin dan penunggu. Pemilihan kata dalam sesuatu mantera juga bukanlah secara sembarangan, tetapi mempunyai kaitan erat dengan budaya sesebuah masyarakat.

Kajian ini mempunyai sedikit persamaan dengan kajian pengkaji terutama dari aspek simbol yang terdapat dalam mantera. Hasan (2017) melihat simbol dalam mantera masyarakat Melayu, manakala pengkaji menumpukan simbol dalam mantera masyarakat Bajau Sama di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian mengenai amalan perubatan tradisional yang melibatkan pembacaan mantera turut dijalankan oleh Mustafa et al. (2014) dengan tajuk "Amalan Perubatan Tradisional Masyarakat Melayu Sarawak". Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dan kajian lapangan untuk menilai tahap pengetahuan serta pemahaman pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di sekitar Kuching, Sarawak mengenai amalan perubatan tradisional. Selain itu, kajian lapangan melibatkan enam orang informan yang berpengalaman dalam bidang perubatan tradisional. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar IPT yang berusia awal 20-an kurang mengetahui tentang amalan perubatan tradisional. Hal ini menunjukkan bahawa beberapa amalan telah semakin dilupakan kerana generasi tua tidak lagi mempraktikkannya pada zaman ini, maka tidak hairanlah generasi muda tidak mempunyai pengetahuan tentang amalan-amalan tradisional tersebut. Hasil temu bual juga mendapati bahawa golongan tua bersetuju bahawa amalan perubatan tradisional perlu dikekalkan agar warisan nenek moyang ini tidak hilang ditelan zaman. Walaupun kajian ini lebih menumpukan kepada aspek perubatan tradisional Melayu Sarawak, ia turut mendokumentasikan penggunaan mantera dalam amalan perubatan masyarakat tersebut.

Kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji kerana Mustafa et.al (2014) menggunakan kaedah soal selidik, manakala pengkaji menggunakan kaedah lapangan. Tambahan pula, masyarakat yang dikaji adalah masyarakat Melayu Sarawak berbeza dengan kajian yang menumpukan mantera masyarakat Bajau Sama di Sabah. Namun begitu, terdapat sedikit persamaan dari segi fakta, iaitu amalan mantera semakin kurang diamalkan oleh kedua-dua masyarakat dan perlu dikekalkan sebagai warisan turun temurun.

Kajian mengenai mantera seterusnya bertajuk "Mantera dalam Perubatan dan Perbomohan Melayu Kerinci: Analisis Fungsi" oleh Usman (2014). Dalam kajian ini, sebanyak 60 jenis mantera perubatan dan 60 jenis mantera perbomohan telah dikumpulkan dan dianalisis menggunakan Pendekatan Sosiologi Sastera serta teori Fungsional. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan mantera dalam kalangan masyarakat Melayu Kerinci masih kekal relevan dan terus diamalkan sebagai sebahagian daripada keperluan hidup. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan mantera dan perubatan tradisional tidak hanya berfokus pada rawatan fizikal, tetapi turut merangkumi aspek spiritual Peranan bomoh sebagai pewaris dan pengamal mantera dalam sistem kepercayaan masyarakat Kerinci telah menjadikan amalan ini diiktiraf dalam institusi lembaga adat daerah tersebut. Pengkaji juga menegaskan bahawa amalan mantera dan perbomohan ini memiliki elemen puitis yang bersifat tradisional serta mempunyai nilai seni yang tinggi. Kajian ini yang bersifat dokumentasi terhadap amalan mantera dan perbomohan masyarakat Melayu Kerinci wajar diketengahkan bagi memastikan warisan tradisional yang sarat dengan nilai falsafah budaya ini terus kekal dan dihargai oleh generasi seterusnya.

Kajian Usman (2014) tersebut berfokus kepada bahasa yang puitis dalam bidang sastera, manakala kajian ini meneliti hubungan bahasa dan budaya dalam bidang semiotik. Selain itu, Usman (2014) mengkaji mantera yang digunakan oleh masyarakat Melayu Kerinchi, sebaliknya pengkaji meneliti mantera masyarakat Bajau Sama di Kota Kinabalu, Sabah.

Penelitian mengenai mantera dalam masyarakat Bajau Sama turut dijalankan oleh Mahali (1999) dalam artikel jurnal bertajuk "Mantera: Satu Penelitian Awal dalam Kalangan Petani Bajau". Kajian ini memfokuskan kepada amalan pertanian masyarakat Bajau di daerah Kota Belud, khususnya bacaan mantera dalam setiap peringkat proses penanaman padi. Menurut pengkaji, masyarakat Bajau Sama sangat menghormati entiti yang disebut sebagai semangat padi, yang dipercayai berperanan untuk memastikan hasil padi yang baik setiap tahun. Oleh itu, masyarakat Bajau mengamalkan ritual tertentu yang melibatkan bacaan mantera sebagai usaha untuk memujuk semangat tersebut agar hasil tanaman mereka menjadi subur dan melimpah. Sekiranya ritual ini tidak dilaksanakan, dipercayai bahawa semangat padi akan "merajuk" dan berpindah ke tempat lain, menyebabkan hasil tanaman merosot atau dimusnahkan oleh haiwan perosak. Hasil kajian ini memperlihatkan betapa masyarakat Bajau Sama sangat menghormati dan menghargai alam sekitar, khususnya tanaman padi yang menjadi sumber makanan utama mereka. Kepercayaan ini juga selari dengan kepercayaan masyarakat tani di Asia Tenggara, termasuk di Malaysia, yang turut dipercayai kewujudan semangat padi sebagai penjaga tanaman mereka. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pandangan dunia (worldview) masyarakat Bajau Sama masih berasaskan hubungan erat dengan alam sekitar serta kepercayaan terhadap kewujudan semangat yang menjaga keseimbangan ekosistem mereka.

Kajian ini turut mengkaji masyarakat yang sama, iaitu masyarakat Bajau Samah sama seperti kajian pengkaji. Perkara yang membezakan ialah lokasi kajian dijalankan berserta fokus utama kajian tersebut. Mahali (1999) meneliti mantera dalam aktiviti penanaman padi di daerah Kota Belud, manakala Omar pengkaji meneliti makna simbol dalam mantera yang masih diamalkan di daerah Kota Kinabalu, Sabah.

Metodologi Kajian

Bagi memperoleh dan menganalisis data, kajian ini mengaplikasikan dua kaedah utama, iaitu kaedah lapangan hulu dan kaedah analisis. Analisis dilakukan berpandukan teori Segi Tiga Semiotik yang digagaskan oleh Charles Sanders Peirce (1965)

Pemerolehan Data

Penelitian terhadap mantera-mantera masyarakat Bajau Sama mengaplikasikan kaedah lapangan hulu, iaitu kaedah memperoleh data dari pedalaman atau kawasan-kawasan kampung. Kaedah lapangan hulu bertujuan mengkaji dialek atau bahasa-bahasa penutur yang belum pernah atau kurang mendapat perhatian daripada para pengkaji bahasa (Omar, 2008: p 6). Oleh hal yang demikian, kaedah lapangan hulu ini turut menggunakan beberapa teknik bagi menjayakan penyelidikan yang dijalankan.

Teknik temu bual dalam kajian ini melibatkan pemilihan empat orang inform yang terdiri daripada lelaki dan wanita. Selain memiliki pengetahuan mendalam tentang amalan mantera, pemilihan informan turut berpandukan kepada kriteria yang digariskan oleh Chambers & Trudgill (2004), iaitu empat ciri utama NORM: (i) tidak berpindah-randah (*non-mobile*), (ii) berusia (*older*), (iii) tinggal di kawasan luar bandar (*rural*), dan (iv) lelaki (*men*).

Namun begitu, kajian ini juga mengambil kira pandangan Colin (2016) yang mencadangkan agar wanita turut diberi pertimbangan sebagai informan. Hal ini dikatakan demikian kerana wanita berusia lazimnya menunjukkan ciri pertuturan yang lebih konservatif dan kurang terpengaruh oleh perubahan.

Temu bual juga turut dirakam bagi memastikan segala maklumat yang diberi tidak tercicir di samping dapat memudahkan urusan pengkaji mencatat maklumat penting. Teknik ini penting untuk memastikan pemerolehan maklumat dilakukan dengan telus. Tambahan pula, melalui teknik rakaman suara segala maklumat penting akan tersimpan dan dapat dijadikan sebagai rujukan primer. Teknik catatan dilakukan serentak dengan teknik rakaman suara. Teknik ini digunakan untuk mencatat maklumat penting ketika sesi temu bual berlangsung. Kepentingannya adalah untuk memastikan tiada keciciran maklumat daripada informan.

Kaedah Analisis

Kaedah analisis digunakan setelah semua data berjaya diperolehi. Semua data akan dianalisis menggunakan kerangka teori Semiotik Charles Sanders Peirce (1965) yang terdiri daripada tiga perkara, iaitu ikon, indeks dan simbol. Analisis hanya dibataskan kepada simbol sahaja sesuai dengan objektif yang telah ditetapkan.


Transkripsi Fonemik

Data yang diambil daripada hasil kerja lapangan akan ditranskripsi menggunakan transkripsi fonemik. Transkripsi fonemik ialah transkripsi yang tidak memberi perhatian kepada ciri-ciri yang kecil dalam bunyi sesuatu kata (Omar, 2008). Dengan kata lain, transkripsi ini hanya memberi tumpuan kepada ciri-ciri besar sesuatu fonem yang mempunyai makna dalam bahasa atau dialek yang dikaji. Seterusnya, data akan diterjemah daripada bahasa sumber (Bahasa Bajau Sama) kepada bahasa sasaran (Bahasa Melayu Standard) bagi memudahkan pemahaman makna leksikal dalam kajian ini. Namun begitu, tidak semua leksikal akan diterjemah dan ditranskripsikan kerana kebanyakan data yang diperolehi sememangnya menggunakan bahasa Melayu yang mudah difahami. Hanya beberapa istilah sahaja akan diterjemah dan ditranskripsi, iaitu perkataan-perkataan yang cuma diketahui oleh masyarakat Bajau Sama dan pengamal bacaan mantera tersebut.

Kerangka Teoretikal

Pengasas kepada doktrin pragmatik dan teori semiotik moden, iaitu Charles Sander Peirce (1839-1914) merupakan seorang sarjana Amerika yang terkenal. Beliau telah mengagakkan sebuah teori yang mengkaji kewujudan tanda di sekeliling manusia. Namun begitu, gagasan kepada teori tersebut hanya dapat dibukukan oleh para pelajar Peirce setelah 25 tahun kematiannya. Idea mengenai teori ini secara menariknya turut dikemukakan oleh seorang sarjana Swiss, iaitu Fredinand de Saussure walaupun tidak mengenali satu sama lain. Saussure menggunakan istilah 'Semiologi', manakala Peirce mencadangkan nama 'Semiotik'. Berdasarkan teori Peirce, tanda-tanda (*sign*) berkait rapat dengan pemikiran manusia yang menginterpretasinya berdasarkan pengalaman budaya seseorang. Terdapat dua prinsip utama yang dikemukakan oleh Peirce, iaitu Sistem Tiga Dimensi (*Triadic System*) dan Peringkat-Peringkat Tanda (*Typologies of Sign*) yang terdiri daripada icon, indeks dan simbol.

Prinsip yang pertama, yaitu Sistem Tiga Dimensi (*Triadic System*) terdiri daripada tiga aspek yang memerlukan antara satu sama lain untuk membentuk pemahaman secara keseluruhan mengenai tanda. Aspek yang pertama dikenali sebagai 'representamen' atau *ground*, manakala aspek yang kedua ialah *referens* dan yang terakhir ialah aspek *interpretant*. Hubungan ketiga-tiga aspek ini dapat difahami menerusi gambar rajah berikut:



Rajah 2: Segi Tiga Semiotik Peirce

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Chandler (2017:30)

Dalam teori ini, Peirce menerangkan bahawa "Tanda (*sign*) ialah kesatuan benda yang mewakili (*representamen*), apa yang diwakili (*object*) dan cara tanda itu ditafsirkan (*interpretant*)" (Chandler, 2017). Menurut Peirce lagi, ketiga-tiga aspek ini adalah penting untuk menjadi sebuah 'tanda'. Sesuatu perkara itu tidak boleh dianggap sebagai tanda sekiranya ketiga-tiga aspek ini dipisahkan menjadi dua bahagian sahaja misalnya *representamen-object*, *representamen-interpretant*, *object-interpretant*. Sebaliknya, ketiga-tiga aspek ini saling melengkapi antara satu sama lain. Peirce turut menggunakan istilah "semiosis" bagi menerangkan hubungan ketiga-tiga aspek ini yang turut membawa maksud "the process of making meaning" dan perlu melibatkan proses perantaraan (*mediation*) seperti yang dijelaskan oleh Daniel (2008, 437) dalam (Chandler, 2017, 31):

"The sign (representamen) as the conveyor of meaning mediates between the object and the interpretant; the interpretant mediates between the sign and the object to interpret the meaning; the object mediates between the interpretant and the sign to ground the meaning".

Model trikotomi Peirce merupakan '*sign relation*' atau hubungan tanda yang menerangkan 'tanda' sebagai perantaraan antara 'objek' yang terdapat dalam dunia dan konsep yang terbentuk dalam minda. Selain itu, model ini juga merupakan '*representing relation*' yang bermaksud "*the sign representing an object to the mind*". *Interpretant* pula merupakan "*mediating representation*" yang berfungsi sebagai perantaraan di antara representamen dengan objek. *Interpretant* juga tidak hanya terbatas kepada konsep mental bahkan turut melibatkan tindakan (*actions*) dan pengalaman (Chandler, 2017, 32)

Secara ringkasnya, representamen (tanda) berfungsi sebagai perantara (medium) antara objek dan interpretan. Dengan kata lain, representamen bertindak sebagai 'wakil' kepada objek untuk disampaikan kepada interpretan. Sebagai contoh, kesan tapak kaki manusia yang terbentuk di permukaan tanah merupakan 'tanda' kepada kewujudan kaki manusia (objek) yang berjalan di kawasan tersebut.

Dalam model ini, 'objek' merujuk kepada sesuatu yang diwakili oleh representamen. Objek tidak hanya terhad kepada benda konkrit tetapi juga boleh terdiri daripada pemikiran, emosi, fiksyen, mimpi, kualiti, hubungan, dan jangkaan (Philosign, 2020). Sebagai contoh, apabila seseorang jatuh sakit, penyakit yang dihidapinya merupakan 'objek' yang ditandai atau diwakili oleh keputusan diagnosis (representamen) yang dibuat oleh doktor.

Prinsip ketiga dalam teori ini ialah interpretan, iaitu tafsiran yang terbentuk dalam minda seseorang apabila dia melihat sesuatu tanda (representamen). Tafsiran ini dihasilkan berdasarkan pengalaman seseorang terhadap tanda tersebut. Sebagai contoh, warna merah pada lampu isyarat di jalan raya ditafsirkan dalam minda manusia sebagai tanda untuk menghentikan kenderaan. Walau bagaimanapun, interpretan yang dihasilkan tidak semestinya boleh direalisasikan (*actualized*). Contohnya, penemuan fosil tulang dinosaur menjadi tanda kewujudan spesies tersebut, walaupun tiada sesiapa yang pernah melihatnya secara langsung. Ketiga-tiga prinsip ini merupakan asas kepada pembentukan teori semiotik Peirce.

Menurut Peirce, peringkat tanda (*typologies of sign*) dianggap sebagai 'yang paling asas' dalam pembahagian tanda. Walaupun peringkat ini sering dianggap sebagai 'pengelasan jenis-jenis tanda', ia sebenarnya digunakan untuk membezakan hubungan antara representamen dan objeknya (Chandler, 2017, 40). Peringkat tanda terdiri daripada tiga kategori utama, iaitu ikon, indeks, dan simbol.

Ikon ialah tanda yang menyerupai objek sebenar, seperti peta yang menunjukkan bentuk muka bumi sesuatu kawasan atau kereta mainan yang menjadi perwakilan kepada kereta sebenar. Indeks pula ialah tanda yang mempunyai hubungan langsung dan hubungan sebab-akibat dengan objeknya. Contohnya, asap yang menunjukkan adanya api, kesan tapak kaki yang menandakan seseorang telah berjalan di kawasan tersebut, atau bunyi telefon berdering yang menandakan panggilan masuk.

Akhir sekali, simbol merupakan peringkat tanda yang paling kompleks kerana memerlukan pemahaman umum atau 'kesepakatan bersama' dalam sesebuah masyarakat. Untuk berfungsi sebagai simbol, sesuatu tanda perlu mengandungi unsur ikon dan indeks. Contoh simbol yang umum ialah bendera sesebuah negara misalnya, bendera Malaysia. Bendera Malaysia menjadi lambang kepada sebuah negara di Asia Tenggara yang mempunyai masyarakat majmuk, menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, dan mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen.

Dalam kajian ini, aspek yang diteliti hanya berfokus pada simbol atau lambang sahaja. Simbol-simbol ini terdapat dalam setiap mantera yang digunakan dalam pelbagai tujuan khususnya, tujuan perubatan. Menerusi penerokaan makna-makna simbol tersebut, dapat difahami pandangan dunia (*Worldview*) dalam sesuatu masyarakat khususnya masyarakat Bajau Sama di lokasi kajian.

Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini telah mengenal pasti sebanyak lapan belas buah mantera secara keseluruhan. Terdapat mantera yang tidak boleh diberikan sewenang-wenangnya melainkan seseorang ingin mempelajari dan mendalaminya. Menurut informan, sesuatu mantera itu akan hilang kemujarabannya jika diberi bukan bertujuan seperti yang dinyatakan. Untuk memberi gambaran secara terperinci mengenai dapatan objektif yang pertama, jadual 3 dipaparkan seperti berikut:

No.	Jenis mantra	Jumlah
1.	Mantera perubatan	12
2.	Mantera kecantikan	2
3.	Mantera pendinding	2
4.	Mantera perbidanan	2
Jumlah keseluruhan		18

Jadual 3: Jenis-Jenis Mantera Masyarakat Bajau Sama di Kampung Unggun

Berdasarkan jadual di atas, mantra perubatan merupakan mantra yang paling banyak diamalkan oleh masyarakat ini, iaitu sebanyak 12 rangkap mantra. Jumlah tersebut diikuti oleh mantra kecantikan, mantra pendinding dan mantra perbidanan yang masing-masing mempunyai sebanyak dua rangkap mantra. Mantera perubatan paling dominan diamalkan oleh masyarakat ini disebabkan kekangan kepada akses pusat kesihatan pada zaman dahulu. Menurut informan, agak sukar bagi mereka mendapat rawatan di pusat kesihatan disebabkan oleh dua faktor, iaitu kawasan tempat tinggal dan pengangkutan. Informan juga ada menceritakan bahawa kawasan kampung ini dahulu dikelilingi oleh hutan dan sebahagian kecil jelapang padi yang menyebabkan mereka sukar keluar ke kawasan pekan. Tambahan pula, faktor pengangkutan yang agak terhad menyukarkan lagi keadaan mereka mendapatkan rawatan secara profesional. Keadaan inilah yang memaksa mereka untuk mencari alternatif lain untuk mendapatkan rawatan bagi menyembuhkan penyakit yang ringan. Selain faktor yang dinyatakan, amalan mantra turut diamalkan kerana penduduk kampung mempercayai bahawa setiap penyakit yang datang adalah berpunca daripada bawaan makhluk ghaib. Penyakit tersebut tidak dapat disembuhkan melalui ubat-ubatan dari hospital atau klinik sebaliknya memerlukan khidmat orang yang arif mengenai kaedah perubatan tradisional. Daripada faktor-faktor tersebut maka terhasillah mantra-mantera perubatan yang berfungsi sesuai dengan jenis penyakit.

Tambah informan lagi, mereka memperoleh mantra ini hasil tunjuk ajar secara turun temurun daripada keluarga. Mereka mempelajari mantra tersebut dengan cara menghafal berulang-ulang kali. Ketika proses menghafal, terdapat beberapa peraturan dan petua yang perlu dilakukan untuk memastikan mereka sentiasa ingat bacaan mantra tersebut. Petua yang pertama menuntut pengamal untuk membaca serangkap mantra yang dinamakan sebagai mantra 'terang atai' atau terang hati. Bacaannya adalah seperti berikut:

Bismillahirrahmanirrahim,
Nurjali sifat Allah,
Sifat menjadi kalam Allah,
Terangkan hati hamba,
Seperti terang hati Rasulullah.

(Khamsiah Anang, 83)

Petua ini diamalkan dengan memegang secubit garam sambil berniat dalam hati, "ilmu ini akan hilang sekiranya garam ini melupakan aku." Setelah itu, penuntut perlu memakan garam tersebut. Niat ini membawa maksud bahawa ilmu yang dipelajari tidak akan hilang kerana garam yang dimakan akan menjadi sebahagian daripada tubuh. Selain itu, frasa "garam ini melupakan aku" sebenarnya mustahil berlaku, kerana garam adalah benda yang tidak bernyawa dan tidak mampu melupakan seseorang. Garam juga merupakan bahan asas yang

terdapat di setiap rumah, terutama dalam masyarakat Melayu dan Bajau. Oleh itu, keupayaan masyarakat Bajau menggunakan perumpamaan secubit garam untuk mengekspresikan kebijaksanaan mereka patut diketahui oleh masyarakat umum.

Informan turut berkongsi bahawa proses menghafal mantra dilakukan di bawah rumah pada waktu malam. Hal ini dikatakan demikian kerana suasana malam yang sunyi memudahkan penuntut ilmu mantra menumpukan perhatian selain dapat mengelakkan gangguan daripada ahli keluarga. Informan 1 yang juga buta huruf menghafal mantra melalui proses mendengar secara berulang kali daripada gurunya sehingga berjaya. Walaupun telah lama bersara daripada menjadi bidan kampung disebabkan faktor kesihatan, namun beliau masih mengingati sebahagian besar mantra yang pernah dipelajarinya. Kesungguhannya untuk mempelajari dan menuntut ilmu mantra juga wajar dipuji.

Simbol dalam Mantra Perubatan Bajau Sama

Mantra perubatan atau lebih lazim digelar oleh masyarakat Bajau Sama sebagai 'tawar' merupakan sejenis bacaan yang dipercayai mempunyai kuasa penyembuhan. Walau bagaimanapun, masyarakat Bajau tetap mempercayai bahawa kuasa penyembuhan itu hanya datang daripada Tuhan manakala mantra bertindak sebagai pengantara sahaja. Oleh sebab itu, hampir semua mantra masyarakat Bajau Sama dimulai dengan bacaan kalimah "Bismillahirrahmannirrahim" bagi mendapat berkat daripada Sang Pencipta. Kemujaraban sesuatu mantra juga dibantu oleh bahan-bahan semula jadi yang bertindak sebagai ubat-ubatan ketika proses rawatan.

Mantra-mantra ini berfungsi berdasarkan jenis penyakit yang dihadapi oleh seseorang. Terdapat mantra yang dibacakan khusus untuk penyakit-penyakit tertentu sambil memanfaatkan bahan semula jadi yang sesuai digunakan. Bahan-bahan semula jadi yang digunakan bukanlah sebarang bahan yang dipilih melainkan mempunyai khasiat yang tertentu berdasarkan pengalaman, pengamatan dan kearifan masyarakat tempatan.

Setiap mantra itu diselitkan dengan simbol-simbol tertentu yang terdiri daripada simbol alam semula jadi, tokoh atau ulama dalam Islam, haiwan mitos termasuklah makhluk ghaib seperti malaikat, iblis, syaitan, jin, hantu dan sebagainya (Yusof, 2007, 42). Penerokaan makna simbol ini penting untuk memugar kearifan masyarakat tersebut terhadap alam di sekeliling sekali gus menjadi usaha untuk mendokumentasikan nilai-nilai budaya yang terdapat dalam masyarakat ini.

Berdasarkan 12 buah mantra perubatan yang telah dikenal pasti, dipaparkan pula dalam jadual 4 jenis-jenis mantra perubatan yang dikategorikan mengikut jenis penyakit serta anggota tubuh badan yang terlibat. Jadual ini bagi memudahkan pemahaman terhadap jenis-jenis mantra berdasarkan fungsinya. Jadual empat (4) adalah seperti yang berikut:

Penyakit	Anggota tubuh badan	Mantera
Demam panas dan keteguran	1. Kepala 2. Ubun-ubun 3. Tubuh	1. Tawar embun 2. Tawar kesempangan 3. Tawar sawan 4. Tawar embo' [əmbəʔ]
Sakit perut	1. Perut	1. Tawar torom (tajam) 2. Tawar sakit perut 3. Tawar sakit perut biasa 4. Tawar Neluak
Angin pasang	1. Zakar	1. Tawar buntal-buntalan 2. Tawar burut
Tertelan tulang ikan	1. Tekak	1. Ketulangan I 2. Ketulangan II

Jadual 4: Mantera Perubatan berdasarkan Jenis dan Fungsi

Berdasarkan jadual di atas, jenis-jenis penyakit yang dihadapi oleh masyarakat sering dikaitkan dengan hal-hal mistik. Masyarakat Bajau Sama mempercayai bahawa setiap penyakit berpunca daripada bawaan makhluk halus yang mendiami kawasan-kawasan tertentu seperti di hutan, di bukit-bukau, di laut, di sungai serta di busut. Penyakit yang sering terjadi ialah penyakit 'keteguran' yang menyebabkan demam panas. Oleh itu, satu daripada tawar yang boleh digunakan untuk merawat keteguran dinamakan sebagai doa embun.

Doa Embun

Bismillah,
Assalamualaikum hai embun si raja embun
turun embun dari awan yang putih
turun embun dari gunung Qaf
sejuk embun seperti perak, sejuk embun seperti timah
sejuk bertitih sepanjang jasad

(Khamsiah Anang, 83)

'Embun' merupakan simbol bunyi (representamen) yang mewakili sejenis wap air (objek) yang terbentuk pada waktu malam sehingga pagi. Wap air yang terbentuk merupakan rujukan kepada simbol bunyi embun yang dapat difahami secara konseptual oleh masyarakat Bajau Sama sebagai lawan kepada panas (interpretant). Hal ini dikatakan demikian kerana embun mempunyai sifat yang sejuk dan mampu menyejukkan suhu di sekitarnya. Konsep inilah yang digunakan dalam mantera penyembuhan bagi menyejukkan suhu badan pesakit yang mengalami demam panas.

Mantera ini dimulai dengan mengucapkan salam kepada 'raja embun', yang dikatakan berasal dari awan putih dan turun dari sebuah gunung bernama Gunung Qaf. Ungkapan salam ini mencerminkan penghormatan masyarakat Bajau Sama terhadap alam serta memberikan gelaran terhormat 'raja' kepada embun. Tujuan utama tindakan ini adalah untuk "memujuk" semangat embun agar membantu menyejukkan tubuh pesakit.

Kepercayaan masyarakat Bajau Sama terhadap kewujudan Gunung Qaf sejajar dengan kepercayaan masyarakat Melayu yang menyebutnya sebagai Gunung Kaf. Menurut Zainal Abidin Borhan (2007) dalam kertas kerjanya yang bertajuk Kosmologi Melayu: Makrokosmos dan Mikrokosmos daripada Sumber-Sumber Mantera, masyarakat Melayu mempercayai bahawa gunung atau bukit Kaf berperanan sebagai dinding pelindung bumi daripada ribut dan binatang buas. Zainal juga menyatakan bahawa dinding ini cuba ditembusi oleh Yajuj dan Majuj, seperti yang disebutkan dalam Surah Al-Kahfi 18:94. Berdasarkan kesinambungan ini, pengkaji berpendapat bahawa masyarakat Bajau Sama berkongsi pandangan yang sama dengan masyarakat Melayu memandangkan kedua-duanya berpegang kepada ajaran Islam.

Sifat embun yang digambarkan sejuk seperti perak dan timah, bagaimanapun, tidak dapat dijelaskan oleh informan kerana beliau sendiri kurang pasti akan maksud sebenar baris mantera tersebut. Namun begitu, jika diteliti, baris ayat tersebut menunjukkan bahawa masyarakat Bajau dahulu biasa menggunakan logam seperti bijih timah dan perak untuk kegunaan tertentu. Keadaan ini menyerupai masyarakat Melayu yang memanfaatkan sumber alam seperti perak untuk menghasilkan barang perhiasan, barang kemas, peralatan dapur, dan mata wang syiling, sebagaimana yang dinyatakan dalam Majalah Dewan Kosmik (2010).

Dalam mantera perubatan yang lain, terdapat juga tawar yang turut menggunakan simbol embun khusus untuk merawat sakit yang terjadi pada bayi. Mantera tawar tersebut dinamakan sebagai tawar Neluak.

Neluak

Bismillah
Hai luak aku tahu asalmu luak
turun dari terugan,
menitik embun turun kepada kanak-kanak
turun bisa naik tawar,
berkat aku memakai doa embun yang sejuk.

(Dayang Lina, 63)

Dalam mantera di atas, simbol utama yang digunakan ialah "embun". Embun merupakan simbol (representamen) yang mewakili wap air (Objek) yang terbentuk pada waktu malam akibat perubahan suhu dari panas ke sejuk. Masyarakat Bajau Sama menggunakan unsur alam seperti embun kerana sifatnya yang sejuk dan dianggap bertentangan dengan suhu badan yang panas (interpretant).

Berdasarkan penjelasan daripada informan, Neluak, atau dalam bahasa Melayu disebut ubun-ubun (dikenali secara saintifik sebagai *fontanel*), merujuk kepada bahagian lembut di kepala bayi. Keadaan kesihatan bayi dapat dinilai melalui pemerhatian terhadap bahagian ini. Jika ubun-ubun kelihatan mendap ke dalam, keadaan tersebut menandakan bahawa bayi mungkin mengalami sakit perut dan perlu dirawat segera. Dari sudut perubatan moden, keadaan ini sering dikaitkan dengan dehidrasi. Sebaliknya, jika bahagian tersebut membengkak, kemungkinan menandakan bayi menghidap meningitis, iaitu penyakit keradangan pada lapisan pelindung otak (sumber: Hellodokter.com).

Menurut informan, Luak dipercayai sebagai makhluk halus yang turun dari "Terugan", yang dipercayai menjadi punca bayi mengalami sakit perut. Sebutan asal usul Luak dalam mantera bertujuan untuk meyakinkan makhluk tersebut bahawa pengamal mantera mengenalinya, sekali gus mendorongnya untuk kembali ke tempat asalnya di Terugan. Selain

itu, berdasarkan penjelasan informan, Terugan merupakan nama sebuah gunung, namun lokasinya tidak diketahui.

Walaupun Kampung Unggun Jaya terletak berhampiran dengan kawasan perindustrian, kampung ini juga berdekatan dengan muara sungai serta mempunyai sebuah jeti di hujung kampung. Sebilangan penduduk masih bergantung kepada aktiviti menangkap ikan sebagai sumber pendapatan keluarga mereka. Oleh itu, nelayan yang turun ke laut mengamalkan pelbagai petua dan pantang larang semasa menjalankan pekerjaan mereka. Sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini, seperti melanggar pantang larang, bacaan mantera perlu dilakukan sama ada dengan membacanya terus kepada pesakit atau melafazkannya ke dalam segelas air untuk diminum oleh pesakit. Bacaan mantera tersebut adalah seperti berikut:

Kesampangan

Sampangku sampang laut setera ambar-ambar
dan segulung-gulung bukan aku punya tawar
Tawar nabi Allah sulaiman

(Khamsiah Anang, 83)

'Kesampangan' merujuk kepada keadaan 'terkena angin', iaitu seseorang dipercayai telah terdedah kepada 'angin' (representamen) yang berupa makhluk halus (objek). Individu yang mengalami kesampangan akan menunjukkan simptom seperti demam, muntah-muntah, dan cirit-birit. Dalam kepercayaan masyarakat Bajau, penyakit ini bukan sekadar penyakit biasa, tetapi berpunca daripada gangguan makhluk halus, dikenali sebagai 'keteguran' (interpretant). Menurut kepercayaan Bajau Sama, seseorang tidak sepatutnya menunggu kepulangan ahli keluarga yang baru pulang dari laut. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka yang baru pulang dari menangkap hasil laut dipercayai mudah diikuti oleh jin hingga ke rumah. Jika ada ahli keluarga yang menunggu di pintu rumah, dia berisiko untuk mengalami penyakit kesampangan. Untuk merawat penyakit ini, mantera kesampangan perlu dibacakan sebelum ditiupkan ke dalam segelas air yang kemudiannya diberikan kepada pesakit. Pesakit juga digalakkan membaca kalimah 'Bismillah' dan selawat ke atas Nabi sebelum meminum air tersebut.

Selain itu, terdapat juga petua untuk mengelakkan keteguran ketika membawa makanan mentah yang berdarah, terutama semasa hujan atau pada waktu maghrib. Sesiapa yang membawa makanan mentah seperti ikan, ayam, atau daging ke suatu tempat perlu memetik pucuk daun dan memasukkannya ke dalam makanan mentah tersebut. Menurut informan, petua ini diamalkan oleh masyarakat Bajau Sama sehingga kini bagi menyembunyikan makanan mentah daripada penglihatan jin menggunakan pucuk daun tersebut.

Dalam mantera ini, simbol ketokohan memainkan peranan utama, iaitu ketokohan Nabi Sulaiman A.S. Sebagai sebuah masyarakat yang telah menganut agama Islam sejak abad ke-16 (Gusni Saat, 2008, p. 43), masyarakat Bajau Sama mempercayai mukjizat yang dikurniakan kepada para nabi. Dalam kisah Nabi Sulaiman, baginda diriwayatkan bukan sahaja sebagai raja manusia, tetapi juga kepada haiwan dan golongan jin. Firman Allah SWT:

"Dan (Kami mudahkan baginya memerintah) jin syaitan; (ia memerintah) golongan-golongan yang pandai mendirikan bangunan, dan yang menjadi penyelam (bagi menjalankan kerja masing-masing)." (Surah Sad, 37)

Oleh itu, mantera ini dianggap sebagai mantera Nabi Sulaiman yang bertujuan untuk menakutkan jin yang menyebabkan kesakitan kepada seseorang.

Mantera tawar yang seterusnya pula berkait dengan penyakit yang biasa terjadi kepada kanak-kanak lelaki, iaitu penyakit angin pasang. Mantera ini dibaca terus oleh bidan pada bahagian yang sakit. Bacaannya adalah seperti berikut;

Buntalan

Bismillahirrahmanirrahim
Buntal sepi titi kepala agu-agu
Bamban berduri, buntal berbanir
Tidak menjadi sekali-kali,
Berkat laillaha ilallah muhammadur Rasulullah

(Khamsiah Anang, 83)

Mantera yang dihuraikan di atas merupakan sejenis mantera tradisional yang digunakan untuk merawat penyakit angin pasang, yang dipercayai sering menyerang bayi lelaki. Menurut informan, mantera ini sebaiknya dibacakan dan ditiupkan ke bahagian pundi bayi (bawah pusat) sejurus selepas kelahiran sebagai langkah pencegahan awal. Bayi yang menghidap penyakit ini biasanya menunjukkan simptom menangis akibat kesakitan, dan bahagian pundinya akan kelihatan tegang.

Untuk tujuan rawatan, mantera buntal-buntalan dibacakan ke atas ramuan semula jadi yang terdiri daripada kapur sirih yang dicampur dengan sedikit air perahan limau nipis. Campuran ini kemudian disapu pada bahagian yang terjejas dalam bentuk tanda "X" atau pangkah, sambil disertai dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Walau bagaimanapun, informan tidak menjelaskan secara terperinci maksud simbol pangkah tersebut dalam amalan ini.

Mantera ini dimulai dengan kalimah *Bismillahirrahmanirrahim* sebagai tanda memohon keberkatan daripada Allah SWT dan diakhiri dengan selawat ke atas Rasulullah SAW. Informan turut menerangkan bahawa penyakit buntal-buntalan (representamen) ini diibaratkan seperti terkena duri rotan (objek), iaitu tajam dan berlendir seperti yang digambarkan dalam baris ketiga mantera. Penggunaan perumpamaan duri rotan mencerminkan pengetahuan mendalam masyarakat Bajau tentang tumbuhan rotan, yang turut dimanfaatkan dalam kehidupan seharian mereka (interpretent) seperti dalam pembuatan kraf tangan, termasuk bakul rotan dan pelbagai kegunaan lain.

Selain berpunca daripada bawaan makhluk halus dan angin, terdapat juga penyakit atau sakit yang terjadi disebabkan faktor pemakanan seperti termakan tulang ikan. Sakit ini berpunca apabila tulang ikan yang dimakan tersangkut pada bahagian tekak seseorang. Akibatnya, tulang yang tajam menyebabkan tekak menjadi luka. Oleh itu, terdapat mantera yang digunakan untuk menyembuhkan sakit ini, iaitu mantera ketulangan.

Mantera "Ketulangan" merupakan salah satu bentuk rawatan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Bajau Sama di Kota Kinabalu apabila seseorang mengalami ketulangan, iaitu keadaan di mana tulang ikan tersangkut di tekak atau dalam tubuh selepas makan. Mereka percaya bahawa bacaan mantera yang bersifat simbolik ini mampu menyembuhkan ketulangan tanpa perlu mendapatkan rawatan moden.

Ketulangan

Kukalang ditanggung alang
tujuh paku meliuk, batang melintang
raja naga menumbuk
Bisa turun sah tawar

(Khamsiah Anang, 83)

Dalam mantra ini, tulang ikan yang tersangkut pada kerongkong diumpamakan seperti paku yang bengkok atau batang kayu yang melintang. Keadaan paku yang diumpamakan 'bengkok' ini menunjukkan kesukaran untuk menyingkirkannya. Untuk menghilangkan rasa sakit tersebut, air tawar yang diminum diibaratkan sebagai 'raja naga' (representamen) yang menolak atau 'menumbuk' tulang tersebut (objek) sehingga masuk ke dalam perut. Penggunaan perumpamaan haiwan mitos seperti naga dalam mantra ini bertujuan untuk menggambarkan kekuatan dan keberkesanan mantra yang dibacakan (Interpretent).

Perbezaan antara mantra "ketulangan" dan mantra "selusuh" juga dapat dilihat dari segi kaedah pelaksanaannya. Dalam mantra ini, pesakit yang mengalami "ketulangan" perlu menelan segumpal nasi yang telah dibentuk menjadi bulat bersama-sama air yang telah dibacakan dengan mantra ketulangan. Air tersebut perlu dituangkan ke dalam tutup periuk terlebih dahulu, kemudian dikacau menggunakan jari telunjuk mengikut arah jam sambil membaca mantra ini.

Informan juga berkongsi pengalamannya ketika merawat seorang penduduk kampung yang mengalami ketulangan. Menurutnya, pesakit tersebut telah mendapatkan rawatan di klinik berhampiran, tetapi masih mengalami kesakitan. Informan kemudian membacakan mantra ketulangan ke atas air yang dituangkan ke dalam tutup periuk sebelum menyuruh pesakit itu meminumnya. Secara beransur-ansur, kesakitan yang dialami oleh pesakit tersebut akhirnya sembuh.

Terdapat sebuah lagi mantra yang boleh dibaca untuk mengubati seseorang yang mengalami ketulangan. Mantra ketulangan adalah seperti yang berikut:

Ketulangan

Hei badung putih,
Keluarlah kau, ke hulu Limbang,
Terurai kanak,
Tulang ikan, turun ke perut,
Jangan sangkut, jangan paku,
Dengan izin Allah, selamat tubuh.

(Khamsiah Anang, 83)

Mantra "Ketulangan" merupakan salah satu bentuk rawatan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Bajau Sama di Kota Kinabalu apabila seseorang mengalami ketulangan, iaitu keadaan di mana tulang ikan tersangkut di tekak atau dalam tubuh selepas makan. Mereka percaya bahawa bacaan mantra yang bersifat simbolik ini mampu menyembuhkan ketulangan tanpa perlu mendapatkan rawatan moden.

Rangkap awal mantra menyebut "Hei badung putih", iaitu dalam budaya Bajau Sama, "badung" merujuk kepada makhluk halus, manakala "putih" melambangkan kesucian dan

kebaikan, sebagaimana yang lazim dalam kebanyakan budaya Melayu termasuk Bajau Sama. Dalam konteks ini, "badung putih" dipercayai merujuk kepada kuasa ghaib atau semangat suci yang dipanggil untuk membantu menyembuhkan pesakit. Hal ini menunjukkan pengaruh unsur animisme yang masih wujud dalam kepercayaan tradisional mereka walaupun mereka telah lama memeluk agama Islam.

Frasa "ke hulu Limbang" membawa maksud simbolik yang mendalam. Limbang, sebuah kawasan di Sarawak yang berdekatan dengan Sabah, disebut kerana nilai sejarah atau simboliknya sebagai laluan air yang dikenali dalam kalangan masyarakat Bajau Sama. "Ke hulu" bermaksud menuju ke punca atau asal, yang menggambarkan harapan agar gangguan ketulangan itu kembali ke asal dan keluar dari tubuh. Kepercayaan ini seiring dengan pandangan masyarakat Bajau bahawa unsur alam boleh diarahkan atau diubah melalui bacaan mantera serta kuasa spiritual.

Baris "tulang ikan, turun ke perut" pula merupakan permintaan agar tulang ikan yang tersangkut itu bergerak ke bawah dan ke dalam perut tanpa menyebabkan kecederaan atau tersumbat. "Tulang ikan" melambangkan punca kepada kesakitan, manakala "turun ke perut" menjadi metafora kepada proses penyembuhan. Hal ini mencerminkan pemahaman masyarakat Bajau Sama tentang tubuh manusia berdasarkan pengalaman dan pemerhatian, meskipun tanpa pengetahuan perubatan moden. Frasa "jangan sangkut, jangan paku" merupakan permohonan agar tiada sebarang halangan fizikal atau mistik menghalang pergerakan tulang itu. "Paku" dalam konteks ini tidak hanya bermaksud objek tajam, tetapi juga simbolik kepada sesuatu yang "memaku" atau mengikat gangguan di tempat tersebut. Dalam kepercayaan masyarakat Bajau Sama, kesakitan bukan sekadar fizikal, tetapi turut dikaitkan dengan unsur mistik atau gangguan spiritual. Oleh itu, penyembuhan perlu dilakukan melalui ritual.

Punca penyakit yang seterusnya juga berkaitan dengan amalan pemakanan, namun begitu tidak melibatkan perkara yang bersifat fizikal seperti tulang ikan yang telah diterangkan dalam mantera ketulangan. Mantera yang digelar sebagai mantera turum/ torom (bermaksud: tajam) perlu dibaca sekiranya seseorang mengalami penyakit disebabkan oleh amalan pemakanan yang salah. Mantera tersebut dipaparkan dalam rangkap di bawah:

Penyakit Turum/ Torom

Kapak sebarang tajam,
Menetak daun keladi,
Aku tau kau tajam
menusuk hentakan kaki
Turun bisa naik tawar
Berkatku la'illaha ilallah muhammadurrasulullah

(Khamsiah Anang, 83)

Dalam mantera ini, kapak digunakan sebagai simbol (Objek) kerana sifatnya yang tajam (representamen), menyerupai rasa sakit yang dialami oleh pesakit (Interpreten). Mantera ini dibacakan ke atas minyak, sama ada minyak urut, minyak panas, atau minyak masak. Minyak tersebut kemudian digunakan untuk mengurut bahagian badan yang sakit, terutama di bahagian perut. Selain memiliki susunan kata yang berirama seperti pantun, mantera ini juga diakhiri dengan harapan agar bisa atau kesakitan yang dirasakan oleh pesakit beransur surut dan digantikan dengan kesembuhan, serta diiringi permohonan keberkatan daripada

Rasulullah. Sejak dahulu, alat memotong seperti kapak telah digunakan oleh masyarakat Melayu, termasuk masyarakat Bajau, yang biasa melakukan kerja-kerja pertanian. Kapak digunakan untuk menebang pokok dan membelah kayu bagi kegunaan seperti kayu api, tiang rumah, jambatan, dan pagar kayu. Oleh itu, sifat kapak yang tajam dijadikan simbol untuk menggambarkan kesakitan yang dialami oleh pesakit dalam konteks mantera ini.

Penyakit turum atau torom, yang bermaksud 'tajam', merujuk kepada sejenis penyakit yang dipercayai berlaku apabila seseorang memakan makanan yang dilarang mengikut kepercayaan keturunan mereka. Akibat melanggar pantang tersebut, pesakit akan mengalami sakit perut seperti dicucuk oleh benda tajam. Selain itu, terdapat juga larangan tertentu berkaitan jenis makanan yang tidak boleh dimakan. Sebagai contoh, beberapa jenis ikan yang tidak boleh dimakan kerana mempunyai duri atau disebut 'berbisa'. Informan juga menyatakan terdapat satu lagi pantang larang yang perlu dipatuhi sekiranya tidak mahu terkena penyakit torom, iaitu larangan memakan buah yang dipotong terus dari pisau tanpa meletakkannya terlebih dahulu ke dalam pinggan. Pada hemat pengkaji, larangan ini tentunya berkaitan dengan adab dan kesopanan masyarakat Melayu dan Bajau yang melarang anak gadis makan dengan cara tidak beradab. Hal ini sama seperti larangan anak gadis menyanyi sambil memasak di dapur yang kononnya akan mendapat jodoh yang lebih tua. Larangan-larangan ini merupakan cara halus untuk mendidik masyarakat supaya menjaga adab dan tatasusila dalam kehidupan harian.

Mantera seterusnya melibatkan sejenis penyakit yang juga biasa dialami oleh masyarakat Melayu. Menurut kepercayaan masyarakat Bajau, penyakit ini berpunca daripada bawaan makhluk halus atau lebih biasa digelar embo' (merupakan panggilan halus bagi makhluk yang tidak boleh dilihat menggunakan pancaindera). Sesiapa yang terkena penyakit ini perlu diubati dengan membaca mantera tawar embo' seperti berikut:

Tawar Embo' [Emboʔ]

Bismillahirrahmanirrahim

Hei Kalamutak,

Ampunkan cucumu, kurangkan sakit dan panasmu,

Jangan engkau melebihi, jangan engkau mengulangi,

Kamu bawa timbangan yang betul dan adil

Berkat la'ilaha illallah Muhammadurusulullah

(Khamsiah Anang, 83)

Mantera tawar ini merupakan sejenis mantera tradisional yang digunakan untuk merawat penyakit cacar halus, atau lebih dikenali sebagai campak dalam kalangan masyarakat Melayu. Penyakit ini lazimnya menyerang kanak-kanak dan mudah menjangkiti kanak-kanak lain. Dalam kalangan masyarakat Bajau Sama, khususnya di Kampung Unggun Jaya, terdapat kaedah rawatan tradisional yang diamalkan bagi merawat penyakit ini. Kaedahnya melibatkan penggunaan santan kelapa dan daun kayu tukil-tukil (sejenis tumbuhan yang tumbuh di kawasan pesisir pantai), yang diramas bersama kunyit hidup sambil dibacakan mantera. Air ramasan tersebut kemudiannya disapu pada bahagian kulit yang dijangkiti cacar sebanyak tiga kali seminggu. Menurut informan, ketika menyapu air tersebut, perawat tidak boleh menyentuhnya secara langsung; sebaliknya perlu menggunakan sarung tangan atau kain sapu. Hal ini penting bagi mengelakkan rawatan menjadi 'siman', iaitu tidak berkesan atau tidak mujarab. Mantera yang dibacakan bersifat pujukan, bertujuan memohon kepada "Kalamutak"

(representament), iaitu makhluk halus (objek) yang dipercayai menjadi punca demam panas atau campak agar menarik balik penyakit tersebut. Makhluk “Kalamutak” yang diseru mewakili konsep animisme masyarakat Bajau, iaitu penyakit yang dipercayai berpunca daripada gangguan makhluk halus. Seruan ini bersifat ‘rundingan’ atau rayuan kepada entiti tersebut agar tidak mengganggu (interpretent). Kepercayaan dan amalan terhadap rawatan serta mantera ini walau bagaimanapun semakin terpinggir kerana masyarakat Bajau Sama di kampung tersebut kini lebih cenderung mendapatkan rawatan moden.

Berdasarkan mantera tawar masyarakat Bajau Sama yang diperoleh semasa kajian lapangan, terdapat dua jenis penyakit yang melibatkan kesakitan di bahagian perut, iaitu ketegangan urat dan sakit perut disebabkan pengumpulan angin. Kedua-dua jenis kesakitan ini memerlukan rawatan yang berbeza. Untuk pesakit yang mengalami sakit perut akibat ketegangan urat, terdapat mantera khas yang digunakan seperti yang tertera berikut:

Urut Sakit Perut

Angin Barat, Selatan Timur,
Daging jangan melarat, urat jangan mengekor
Berkat La’illaha illallah

(Dayang Lina, 63)

Selain berpunca daripada tabiat pemakanan yang tidak sesuai, sakit perut juga boleh terjadi akibat melakukan kerja berat sehingga menyebabkan keadaan yang dikenali sebagai “tersalah urat” atau “terseliuh”. Untuk merawat jenis sakit ini, tukang urut akan membaca mantera tersebut sambil mengurut bahagian yang terjejas menggunakan minyak urut. Menurut informan, mantera ini juga boleh digunakan untuk merawat kesakitan pada bahagian badan lain seperti kaki dan tangan.

Rangkap mantera ini mempunyai rima yang menyerupai bentuk pantun, dan mengandungi permintaan agar bahagian badan serta urat yang diurut tidak terus-menerus mengalami kesakitan. Seperti mantera tradisional yang lain, ia diakhiri dengan kalimah “berkat la ilaha illallah” sebagai permohonan keberkatan daripada Allah SWT.

Satu perlambangan yang jelas dalam rangkap mantera ini ialah penggunaan nama-nama arah mata angin seperti angin Barat, angin Selatan dan angin Timur (Representamen). Melalui penggunaan arah mata angin ini dapat difahami bahawa masyarakat Bajau mempunyai pengetahuan tentang arah mata angin sebagai petunjuk arah (Objek). Hal ini berkait rapat dengan latar sejarah masyarakat Bajau yang pada asalnya tinggal di kawasan perairan sebelum berpecah kepada dua kelompok utama, iaitu Bajau yang tinggal di laut dan Bajau yang menetap di darat (interpretant). Malah, suku Bajau yang tinggal di luar perairan Malaysia seperti di Kalimantan, Sulawesi, dan Nusa Tenggara, Indonesia, terkenal dengan kemahiran tinggi dalam ilmu pelayaran dan navigasi. Mereka mampu menentukan arah hanya berpandukan bintang atau matahari di langit, sekali gus membuktikan kecekapan mereka dalam memahami arah mata angin.

Bagi kesakitan perut yang berpunca daripada angin, terdapat bacaan mantera khusus yang digunakan sebagai rawatan. Menurut informan, mantera yang akan dikongsikan ini hanya digunakan untuk merawat sakit perut yang biasa dan tidak terlalu serius. Berikut merupakan mantera yang dimaksudkan.

Sakit Perut

Bismillahirrahmanirrahim
Kayuku seberkas,
Diambil di dapur,
Lari kau lekas-lekas,
Kupangkah dengan kapur

(Khamsiah Anang, 83)

Kesakitan di bahagian perut lazimnya berpunca daripada pengumpulan angin atau gas dalam perut, yang dikenali sebagai 'kembung perut'. Mereka yang mengalaminya akan berasa tidak selesa atau mengalami kesakitan di kawasan abdomen. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh informan, keadaan ini sering berlaku kepada bayi akibat daripada tabiat pemakanan ibu yang sedang berpantang. Dalam kepercayaan masyarakat Bajau Sama, wanita yang sedang berpantang selepas bersalin dilarang memakan makanan bersifat sejuk seperti sayur bayam dan kangkung. Sekiranya larangan ini tidak dipatuhi, bayi mungkin mengalami sakit perut.

Sebagai rawatan, bidan akan membaca mantera sebanyak tiga kali dan menghembuskannya ke perut bayi yang sakit. Seterusnya, minyak angin atau kapur sirih disapu pada perut bayi sejurus selepas rawatan tersebut dilakukan. Mantera yang digunakan mempunyai bentuk seperti pantun, dengan rima yang sepadan di hujung setiap baris. Penggunaan frasa "kayuku seberkas" (representamen) melambangkan daya dan kekuatan yang telah dikumpul (objek) untuk menghalau penyakit yang menjadi punca kesakitan yang dialami (interpretant). Penggunaan kapur sirih dalam rawatan juga mencerminkan persamaan amalan tradisional antara kedua-dua masyarakat ini. Dalam perubatan tradisional Melayu, kapur sirih digunakan untuk merawat pelbagai masalah seperti batuk dan selesema, cirit-birit, sengal sendi, serta kembung perut (Yusoff, 2017). Oleh itu, tidak menghairankan jika kapur sirih menjadi bahan penting dalam rawatan tradisional kedua-dua budaya ini.

Mantera yang dinamakan "mantera burut" mempunyai fungsi yang sama dengan mantera buntal-buntalan yang telah diterangkan sebelum ini, iaitu;

Mantera Burut

Bismillahirrahmanirrahim
Anjung-anjungku sangka bayung
Buruk batang keladi
Anjungku sangka bayung
Buruk kata tidak menjadi

(Dayang Lina, 63)

Mantera burut merupakan mantera yang digunakan khas untuk mengubati pesakit yang terkena angin pasang (hernia). Dalam baris pertama, iaitu "anjung-anjungku sangka bayung" merupakan frasa bersifat metafora melalui penggunaan kata "anjung" dan "bayung" yang bertindak sebagai representamen. Frasa ini bermaksud kesan fizikal (objek) yang terjadi pada pesakit yang disangka benda lain. Menurut penerangan informan "anjung" merupakan tempat yang tinggi atau sesuatu yang menonjol, manakala "bayung" pula ialah teduhan. Hal ini membawa maksud sesuatu yang dianggap remeh atau tidak berbahaya pada awalnya namun membawa kesan yang serius sekiranya tidak diubati (interpreten).

Frasa "buruk batang keladi" pula membawa tafsiran kelemahan dan kecacatan fizikal. Penggunaan simbol "batang keladi" merupakan representamen kepada objek, iaitu bahagian

tubuh yang terjejas (hernia). Menurut penerangan informan, “batang keladi” disifatkan sebagai tumbuhan yang mudah patah atau lembik. Metafora ini membawa maksud otot atau bahagian tubuh yang lemah sehingga menyebabkan burut (interpreten). Hal ini dapat dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat Bajau sama, iaitu organ atau anggota badan yang tidak berfungsi dengan baik sering difahami sebagai ketidakseimbangan spiritual atau terdapat gangguan.

Dari segi rawatan pula, terdapat pelbagai cara yang boleh dilakukan, antaranya adalah melalui urutan di bahagian bawah perut menggunakan beberapa bahan. Bahan-bahan yang digunakan ialah limau nipis atau limau kesturi, empulur jagung (bekas batang jagung yang telah dimakan) yang telah dibakar kemudian ditumbuk halus. Akhir sekali ialah asam kelumbi (tidak wajib), iaitu sejenis asam yang boleh didapati di hutan. Cara penyediaannya adalah mencampurkan empulur jagung yang telah dibakar dengan perahan limau kemudian dicalit di atas bahagian tubuh yang diurut sambil membaca mantera ini.

Mantera seterusnya merupakan bacaan bagi merawat penyakit sawan yang sering terjadi pada kanak-kanak. Mantera sawan adalah seperti berikut;

Mantera Sawan

Bismillahirrahmanirrahim
Awan-awan si bangsawan
Terbang burung tujuh sekawan
Akan dibuat permainan anak si raja di awan
Sawan mati hidup nyawa

(Khamsiah Anang, 83)

Mantera ini merupakan sejenis mantera yang dikhususkan untuk pesakit yang terkena sawan. Penyakit sawan terbahagi kepada dua, iaitu sawan yang berlaku disebabkan peningkatan suhu badan (demam) dan sawan yang berlaku disebabkan epilepsi (Azmin, 2021). Menurut penerangan informan, mantera ini dibacakan untuk mengubati pesakit yang terkena sawan akibat demam. Cara merawat sawan tersebut adalah dengan membaca mantera sawan sambil mengusap kepala pesakit dengan tangan yang basah sebanyak tiga kali. Usapan tersebut mestilah dari kepala turun ke muka untuk meredakan sawan tersebut.

Dalam baris pertama dinyatakan simbolik “awan” dan “bangsawan” yang bertindak sebagai ‘representamen’, iaitu mewakili objek alam yang terdapat di langit (objek) serta dianggap sebagai bangsawan. Menurut penerangan informan, dalam budaya masyarakat Bajau Sama, elemen awan dipercayai sebagai perantara kepada dunia alam ghaib yang berstatus tinggi sehingga digelar sebagai “bangsawan” (interpretent). Simbol ini digunakan untuk memanggil kuasa tinggi bagi mengimbangi tenaga roh yang mengganggu pesakit. Dalam baris kedua pula menyatakan “terbang burung tujuh sekawan” (representamen), iaitu mewakili maksud ‘penjaga alam ghaib’ (objek). Menurut kepercayaan masyarakat ini, angka tujuh sering menjadi simbolik yang melambangkan kekuatan yang sempurna atau tujuh penjuru alam, manakala burung diertikan sebagai utusan alam roh. Baris ketiga merupakan simbol peralihan roh dan pengembalian tenaga, iaitu tindakan memujuk atau mengalihkan perhatian makhluk ghaib yang menyebabkan sawan. Dalam baris yang seterusnya pula menerangkan bahawa masyarakat Bajau Sama melihat penyakit seperti sawan sebagai manifestasi gangguan spiritual. Mantera ini digunakan sebagai perintah simbolik untuk “menghidupkan” semula nyawa yang “diambil”.

Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya mengenal pasti dan menganalisis sejumlah 18 rangkap mantera yang masih diamalkan oleh komuniti Bajau Sama di Kampung Unggun, Kota Kinabalu, Sabah. Daripada jumlah tersebut, pengkaji mendapati mantera perubatan paling meluas penggunaannya dalam masyarakat Bajau Sama di Kampung Unggun, Kota Kinabalu. Kebergantungan terhadap mantera dalam konteks rawatan tradisional mencerminkan respons budaya masyarakat ini terhadap keterbatasan akses terhadap kemudahan perubatan moden, di samping keyakinan mendalam terhadap unsur-unsur ghaib sebagai punca penyakit.

Melalui teori semiotik Charles Sanders Peirce, kajian ini membuktikan bahawa mantera bukan semata-mata teks ritual, tetapi mengandungi lambang-lambang budaya yang berfungsi sebagai penanda kepada sistem kepercayaan, nilai spiritual, dan *worldview* masyarakat Bajau Sama. Simbol seperti embun, angin, gunung Qaf, Nabi Sulaiman, dan makhluk ghaib turut bertindak sebagai penghubung antara alam nyata dengan alam metafizik dalam mantera penyembuhan. Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa pemindahan ilmu berkaitan mantera masih berlaku secara lisan dan bersifat eksklusif, menjadikan proses pewarisan ini penting dalam usaha pemeliharaan khazanah budaya tempatan. Amalan mantera juga memperlihatkan integrasi nilai-nilai Islam dalam kerangka kepercayaan animisme yang masih bertahan, sekali gus memperlihatkan sinkretisme budaya yang unik.

Secara keseluruhannya, penyelidikan ini memberikan sumbangan bermakna kepada dokumentasi warisan lisan dan simbolik masyarakat Bajau Sama. Malah usaha untuk mendokumentasikan dan memelihara bentuk ekspresi budaya tradisional ini menjadi satu usaha murni agar tidak lenyap ditelan arus pemodenan. Bahkan kajian sebegini membuka ruang kepada eksplorasi lanjutan dalam bidang etnolinguistik, antropologi budaya, dan pemeliharaan warisan tidak ketara.

Penghargaan

Penyelidik merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan para informan kerana menyokong dan membantu penyelidikan ini.

Rujukan

- Al-Quran. (2020). *Al-Quran al-Karim: Rasm Uthmani – Mushaf Madinah V2* (Surah Sad, 38:37). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Azmin S., S. A. M. R. (2021, December 1). Sakit sawan. Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://hctm.ukm.my/sakit-sawan/>
- Bashah, M. N. (2010, Disember). Kepintaran logam tamadun Melayu. *Dewan Kosmik*, 32–35.
- Borhan, Z. A. (2007). *Kosmologi Melayu: Makrokosmos dan mikrokosmos daripada sumber-sumber mantera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J. K., & Trudgill, P. (2004). *Dialectology (2nd ed.)*. Cambridge University Press.
- Chandler, D. (2017). *Semiotics: The basics (3rd ed.)*. Routledge.
- Collins, J. T. (2016). *Dialek Melayu Sarawak (2nd ed.)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ghani R.A (2018). Mantera dan amalan kecantikan wanita Bajau: Kajian kes di Kota Belud [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Malaysia]. University of Malaya Student Repository, <http://studentsrepo.um.edu.my/12050/>
- Hanapi, M. H., Zakaria, N., & Ali, A. H. (2017). Fungsi dan simbol dalam mantera mengikut konteks budaya Melayu. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 3(1), 21–29. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol3.1.3.2017>
- Hello Doktor. (n.d.). Meningitis bakteria. *HelloDoktor*. <https://hellodoktor.com/berjangkit/meningitis/meningitis-bakteria/>
- Johns, A. H. (1993). Islamic mysticism in the Malay world: Sufi thought and practice. Dalam K. H. Azra, A. G. Muhaimin, & S. B. Hassan (Eds.), *Islamic civilization in the Malay world*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liau J. (2024). Tradisi dan penggunaan mantera dalam etnik Kenyah. *Jurnal Warisan Budaya Borneo*, 8(2), 115–128.
- Mahali, S.H.(1999). Mantera: Satu penelitian awal dalam kalangan petani Bajau. *Jurnal Kinabalu*, 51–82.
- Mustafa R., et al. (2014). Amalan perubatan tradisional masyarakat Melayu Sarawak. *Procedia – Social and Behavioural Sciences*, 134, 316–322.
- Omar A.H. (2008). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peirce, Charles Sanders, 1965 (Vol. I & Vol. II). *Collected Papers of Charles Sanders Peirce*, Belknap Press of Harvard University Press: London.
- Philosign. (2020, Januari 20). The basic of semiotics: The second correlate [Video]. *YouTube*. <https://www.youtube.com/watch?v=t4miexCUZWg>
- Piah H. M (2007). Pandangan semesta Melayu melalui puisi Melayu tradisional. Dalam Rogayah A. H. & Mariyam Salim (Eds.), *Pandangan semesta Melayu: Mantera* (hlm. 1–33). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saat G. (2008). *Suku Etnik Bajau: Urbanisasi, perubahan dan pembangunan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan, C. B. (2010). *The Malay world: Crossroads of diversity*. Singapore Heritage Society.
- Usman H. (2014). *Mantera dalam perubatan dan perbomohan Melayu Kerinci: Analisis fungsi*. Universiti Malaya.
- Walter, C., & Taisin, J. N. (2025). Integrasi kearifan tempatan perubatan tradisional Kadazandusun dalam pendidikan bahasa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(4), 204–214. <https://doi.org/10.33306/mjssh/375>
- Yusoff W. K. W. (2007). Mantera, budaya dan pemikiran orang Melayu. Dalam Rogayah A. H. & Mariyam Salim (Eds.), *Pandangan semesta Melayu: Mantera* (hlm. 34–50). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusoff, W. F. W. (2017). Nilai dan simbolisme sirih dalam masyarakat Melayu dan India di Malaysia. Dalam *Perubatan tradisional: Aplikasi semasa* (hlm. 23–36). Universiti Sains Malaysia. <http://eprints.usm.my/39482>

Senarai informan

1. Khamsiah binti Anang, 83 tahun (bekas bidan kampung)
2. Jumaah bin Dusi, 77 tahun (Pengamal perubatan tradisional dan perubatan Islam)
3. Dayang Linah binti Awang Nordin, 63 tahun (Pengamal mantera)